# NOTIS PEMBERITAHUAN
# (RALAT 01)

1. **PPES:Q/17/2026 - PROPOSED REPLACEMENT WORKS OF EXISTING MAIN SIGNAGE AT BETONG REGION**

Merujuk kepada notis SEBUT HARGA yang telah di keluarkan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES)/ Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) dalam suratkhabar Suara Sarawak dan Borneo Post, laman sesawang rasmi SEDC dan laman media sosial rasmi SEDC, dimaklumkan bahawa TERDAPAT PERUBAHAN **TARIKH & MASA TAKLIMAT LAWATAN TAPAK/PERMIS serta TARIKH PENJUALAN DOKUMEN SEBUT HARGA DAN TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA.**

| PERKARA | ASAL | PERUBAHAN |
|---|---|---|
| **1. TARIKH PENJUALAN DOKUMEN SEBUT HARGA** | 18 Mei 2026 - 10 Jun 2026 | 26 Mei 2026 – 19 Jun 2026 |
| **2. TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA** | KHAMIS, 11 Jun 2026 | ISNIN, 22 Jun 2026 |
| **3. TARIKH & MASA TAKLIMAT LAWATAN TAPAK/PERMIS** | 14 Mei 2026 (Khamis) pada 2:30 petang di SEDC Regional Office Betong, Tingkat 1, Sublot No. 39 Bandar Baru Betong 95700 Betong | 25 Mei 2026 (Isnin) pada 9:30 pagi di Sarawak Economic Development Corporation, Level 7, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Kuching, Sarawak |

Sehubungan itu, sila rujuk iklan baharu di laman sesawang rasmi SEDC dan laman media sosial rasmi SEDC.

SEDC Sarawak memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul berhubung perkara ini. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan SEDC Sarawak, Group Global Business Services, Procurement Unit, di talian 082-416918 sambungan (139).

**PENGURUS BESAR**
**PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK**

SEDC SARAWAK

# PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

## NOTIS SEBUT HARGA (RALAT 01)

**MERUJUK KEPADA IKLAN DALAM LAMAN SESAWANG RASMI SEDC DAN LAMAN MEDIA SOSIAL RASMI SEDC, TERDAPAT PERUBAHAN TARIKH & MASA TAKLIMAT LAWATAN TAPAK/PERMIS PENJUALAN DOKUMEN SEBUT HARGA DAN TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA.**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Pembekal/ Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut:-

| No. Ruj. Sebut Harga | Tajuk Sebut Harga | Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub- Kepala | Yuran Dokumen (RM) | Tarikh dan Masa Untuk Taklimat Lawatan Tapak / Premis | Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga | Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **PPES: Q/17/2026** | ***PROPOSED REPLACEMENT WORKS OF EXISTING WORKS EXISTING MAIN SIGNAGE AT BETONG REGION*** | **i. Lesen UPKJ:**<br>• **Kategori : C**<br>Kepala: **IX**, Sub-Kepala: **4**<br>**dan**<br>**ii. Lesen Perniagaan** | **RM50.00/ Set**<br>**(Tidak dikembalikan / *Non-refundable*)** | **25 Mei 2026 (Isnin) pada 9:30 pagi di Sarawak Economic Development Corporation, Level 7, Menara SEDC, The Isthmus, 93050 Kuching, Sarawak**<br>**Taklimat ini adalah WAJIB bagi semua kontraktor yang mengambil bahagian dalam Sebut Harga ini** | **Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada dan masa dari:**<br>**Pada 26 Mei 2026 – 19 Jun 2026**<br>**Dari jam 8.00 pagi – 5.00 Petang (waktu pejabat)**<br>**Bertempat di:**<br>**Sarawak Economic Development Corporation, Procurement Unit, Group Global Business Services, Level 9, SEDC Plaza, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100, Kuching, Sarawak**<br>**Atau**<br>**SEDC Regional Office Betong, Tingkat 1, Sublot No.39 Bandar Baru Betong 95700 Betong** | **Tarikh Tutup:**<br>**22 Jun 2026 (Isnin)**<br>**Waktu Pejabat:**<br>**8.00 Pagi - Sebelum atau pada 12.00 Tengahari**<br>**Bertempat di:**<br>**Sarawak Economic Development Corporation, Procurement Unit, Group Global Business Services, Level 9, SEDC Plaza, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100, Kuching, Sarawak** |

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), LESEN PERNIAGAAN, SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (Jika Berkenaan), **PENGESAHAN PENDAFTARAN NAMA PERNIAGAAN/ PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM), BORANG 24** *(Companies Act 1965)* (Senarai Nama Pemegang Saham dan Ekuiti mereka atau ***SECTION 51*** *(Companies Act 2016) (Notification of change in the Register of Members)* atau ***SECTION 78*** *(Companies Act 2016) (Return for allotment of shares)* (Jika Berkenaan) dan **BORANG 49** *(Companies Act 1965)* (Senarai Nama Pengarah Syarikat dalam kes Syarikat Terhad / Tidak Terhad, atau Ekstrak Ordinan Nama Perniagaan dalam kes Milikan Tunggal atau Perkongsian) atau ***SECTION 14*** *(Companies Act 2016) (Application for Registration)* atau ***SECTION 58*** *(Companies Act 2016) (Notification of Appointment of First secretary)* (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal/ Kontraktor yang layak.

3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga bernilai RM50.00 **(Tidak dikembalikan / *Non-refundable*)** hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai** atau **Draf Bank** yang dibayar atas nama **Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.**

4. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan dalam bentuk *softcopy* dan pembida dikehendaki membawa pemacu pena *(pen drive)* mereka sendiri semasa mengambil dokumen sebut harga.

5. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi **mulai 26 Mei 2026 – 19 Jun 2026 pada waktu pejabat di Sarawak Economic Development Corporation, Procurement Unit, Group Global Business Services, Level 9, SEDC Plaza, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100, Kuching, Sarawak** atau di **SEDC Regional Office Betong, Tingkat 1, Sublot No.39 Bandar Baru Betong 95700 Betong**

6. Dokumen Sebut Harga hendaklah dipos atau dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

**Pengurus Besar**
***Sarawak Economic Development Corporation,***
***Procurement Unit, Group Global Business Services, Level 9,***
***SEDC Plaza, Jalan Tunku Abdul Rahman,***
***93100, Kuching, Sarawak***

7. Penyebut Harga adalah digalakkan untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga **lebih awal dari tarikh dan masa tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan sebarang kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga pada hari sebut harga ditutup. **Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan Penyebut Harga dapat mengemukakan Dokumen Sebut Harga sebelum Tarikh dan Masa Tutup Sebut Harga.**

8. Pihak Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya penyebut harga gagal/ lewat untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis Perbadanan ini.

9. ***Form of Quotation*** dan ***Bidder's Declaration*** hendaklah dilengkapkan, **ditandatangani dan dicop** dengan Cop Syarikat. Jika tidak, sebut harga yang dihantar atau tidak lengkap tidak akan diterima.

10. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

11. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**Pengurus Besar**
**Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak**